

31 DEC 1996

Sabarruddin-Pelancongan (bergambar)

KEMALANGAN DAN TAUN PUNCA PELANCONG MEROSOT

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Bilangan pelancongan ke negara ini antara Januari dan Jun tahun ini merosot disebabkan antaranya oleh laporan mengenai kejadian kemalangan dan taun yang melanda beberapa negeri ketika itu, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik.

"Pelancongan adalah industri yang sensitif dan perkara-perkara seperti itu boleh menimbulkan kesan negatif kepada industri pelancongan dan mengurangkan minat pelancong," katanya setelah melepaskan peserta acara mencari harta karun sempena Tahun Melawat Terengganu '97 (TMT97) di sini hari ini.

Bilangan pelancong ke Semenanjung Malaysia merosot sebanyak 4.2 peratus iaitu kepada 3.46 juta orang dalam enam bulan itu berbanding 3.61 juta dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Sabbaruddin berkata beliau tidak menyalahkan laporan meluas yang diberikan mengenai kemalangan dan penyakit itu kerana orang ramai termasuk pelancong perlu mendapat maklumat mengenai perkembangan semasa di negara ini.

"Pelancong dari Singapura dan Jepun umpamanya, sensitif dan selektif dalam perkara-perkara seperti kemalangan jalan raya dan tanah runtuh tetapi mereka berhak mengetahui perkembangan di negara ini," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata bahawa untuk tempoh enam bulan terakhir tahun ini, kemerosotan itu dapat diatasi.

Beliau berkata kemerosotan itu tidak membabitkan pelancong dari kebanyakan negara sebaliknya paling ketara sekali adalah dari kalangan pelancong Singapura.

Sebanyak 38 kereta menyertai acara pembuka tirai TMT97 itu. Peserta berlepas dari Stadium Merdeka dan dijangka tiba di Kuala Terengganu petang ini.

TMT97 dijadual dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Terengganu esok.

Sabbaruddin memuji kerajaan Terengganu yang menganjurkan TMT97 itu sebagai usaha membantu mengembangkan industri pelancongan di negara ini.

Beliau berkata kementerian telah membantu mempromosi kebudayaan Terengganu di luar negara.-- BERNAMA

LES MAI